

# **BAB 4**

## BAB 4

### KERAGUAN DAN MASALAH AKIBAT DARIPADA PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

#### 4.1 Pendahuluan

Dalam Islam, tujuan sesuatu perkahwinan ialah untuk memberi ketenangan dan kebahagiaan hidup kepada manusia. Namun tujuan ini tidak akan berlaku kepada pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran. Perkahwinan tanpa kebenaran adalah meragukan pihak wali dan juga pihak berkuasa Agama.

Perkahwinan tanpa kebenaran amat mudah, senang dan segera. Tiada prosedur khas dikenakan seperti pengisian borang atau mengikut kursus pra perkahwinan dan lain-lain. Pihak terlibat dapat menguruskan upacara akadnikah dengan mudah iaitu pergi pada waktu pagi dan pulang pada petangnya dengan selamat diijabkabulkan.

Justeru, perkahwinan sebegini mengundang banyak masalah. Kemudahan berkahwin di luar negara tanpa batasan dan sekatan menyebabkan banyak masalah akan timbul. Lebih merumitkan lagi iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) tidak mengiktiraf surat nikah tanpa kebenaran sama ada dalam negeri atau luar negeri yang tidak menepati kehendak hukum syarak.

Perasaan pasangan terlibat tidak akan tenteram walaupun setelah diakadnikahkan, sentiasa dalam keadaan resah dan gelisah kerana akan menghadapi pelbagai permasalahan antaranya terpaksa membuat permohonan

untuk mengesahkan dan mendaftar perkahwinan. Perbicaraan yang bakal dihadapi memakan masa yang agak panjang. Di samping itu, terpaksa mengeluarkan wang banyak untuk membayar penalti yang pasti dikenakan kerana melanggar Enakmen Keluarga Islam lebih menyedihkan sekiranya perkahwinan tersebut tidak sah. Setelah menempuhi perbicaraan demi perbicaraan akhirnya keputusan Pegawai Tadbir Agama menyatakan bahawa perkahwinan tersebut tidak sah kerana meragukan.

#### 4.2 Keraguan Perkahwinan Akibat Daripada Kahwin Tanpa Kebenaran

Secara umumnya perkahwinan tanpa kebenaran adalah meragukan pihak berkuasa Agama disebabkan beberapa faktor-faktor seperti berikut:-

##### a) *Marhalah* Atau Jarak Tempat Berkahwin

Jarak atau (*marhalah*) tempat berkahwin bagi sesuatu perkahwinan menggunakan wali hakim hendaklah tidak kurang daripada dua marhalah (lebih kurang 96 km). Oleh itu, semasa siasatan oleh pihak mahkamah, jarak perjalanan juga disoal untuk mengetahui jauh marhalah. Sekiranya jarak tidak mencukupi perkahwinan tersebut adalah tidak sah. Dan akibatnya wali boleh meminta mahkamah untuk mengeluarkan perintah mufaraqah apabila pasangan tersebut datang untuk mendaftar perkahwinan mereka.

**b) Siasatan Terperinci Terhadap Latarbelakang Pasangan Terlibat**

Perkahwinan tanpa kebenaran menimbulkan keraguan dari segi siasatan latarbelakang yang dilakukan terhadap pasangan yang bakal berkahwin. Siasatan ini bertujuan memastikan bahawa maklumat pasangan adalah betul. Ia perlu untuk mengelak dari pasangan terlibat berbohong tentang latar belakang mereka. Namun begitu, perkahwinan tanpa kebenaran tiada siasatan yang terperinci terhadap pasangan terlibat. Imam-imam hanya bertanya kepada pasangan yang mahu berkahwin sama ada sudah berkahwin atau pun telah diceraikan. Dan meminta pasangan bersumpah dengan keterangan mereka tersebut. Tiada borang khas dibenarkan.

**c) Surat Nikah Palsu**

Kesahihan penggunaan surat nikah boleh diragui apabila ada pasangan terlibat yang berkahwin di Malaysia tetapi menggunakan surat nikah luar negeri. Terdapat sindiket yang menjual surat nikah palsu dengan mengenakan bayaran tertentu seperti RM 200.00 hingga RM 300.00 kepada pasangan yang ingin berkahwin. Kes-kes yang melibatkan surat nikah palsu dapat dikesan apabila pasangan terbabit datang untuk mendaftar perkahwinan mereka di Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, didapati pasangan tersebut menggunakan surat nikah palsu. Siasatan yang dibuat oleh pihak berkuasa khususnya Jabatan Agama Islam Negeri Kedah mendapati terdapat sindiket yang didalangi oleh individu yang tertentu dikenalpasti membekalkan surat nikah Thailand kepada pasangan yang berkahwin dengan

tidak mengikut Enakmen Keluarga Islam di Malaysia<sup>1</sup>. Jelas bahawa perkahwinan tanpa kebenaran diragui kerana terdapat pihak yang berkahwin di Malaysia tetapi menggunakan surat nikah luar negara<sup>2</sup>.

#### d) Kedudukan Imam-Imam

Perkahwinan tanpa kebenaran yang dilakukan oleh imam-imam di luar negara adalah diragui kedudukannya di sisi syarak. Perkahwinan di luar negara tidak dapat dipastikan dengan sebaiknya sama ada sah atau tidak mengikut hukum syarak. Perkara ini berpunca daripada kedudukan para imam itu sendiri, di mana terdapat di kalangan mereka ada yang mempunyai tauliah dan tidak bertauliah. Terdapat pasangan yang diakad nikah oleh imam yang telah dilucutkan tauliahnya

Sebagai contoh, seorang daripada Imam, iaitu Abd. Aziz Bin Pencaya telah dilucutkan tauliahnya sebagai wali hakim oleh Majlis Agama Islam Thailand, maka perkahwinan yang diakad oleh beliau tidak sah. Dan hasil siasatan pihak berkuasa mendapati ada di antara imam-imam meniru cop rasmi yang digunakan oleh wali-wali hakim yang sah serta memalsukan beberapa dokumen berkaitan, termasuk mengeluarkan sijil nikah palsu<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>. Ibid

<sup>2</sup>. Rujuk perbincangan pada Bab 1 (Faktor Sindiket Menguruskan Perkahwinan) di mana terdapat sindiket yang menguruskan perkahwinan tanpa kebenaran yang didalangi oleh individu yang dikenali sebagai Ismail Bin Ibrahim.

<sup>3</sup>. Temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Bin Othman, Ketua PendakwaSyarie MAIK, pada 17 Januari, 2001 bertempat di MAIK, Alor Setar Kedah.

## e) Sindiket

Perkahwinan tanpa kebenaran menimbulkan kebimbangan kerana terdapat sindiket yang bergerak bebas untuk mempengaruhi orang ramai untuk berkahwin melalui sindiket<sup>4</sup> Pasangan yang kurang pengetahuan agama amat mudah untuk dipengaruhi. Jabatan Hal Ehwal Agama mendapati ada perkahwinan berlaku melalui sindiket iaitu oleh jurunikah di kalangan mereka sendiri yang tidak mempunyai tauliah

Jelas bahawa kesan buruk menerusi perkahwinan sindiket ini kerana perkahwinan tersebut dinyatakan tidak sah mengikut hukum syarak kerana tidak memenuhi rukun nikah iaitu wali yang tidak mengikut susunan. Kaedah perpindahan wali ialah daripada wali nasab atau keturunan yang terdiri daripada bapa, datuk dan seterusnya kepada wali hakim yang bertauliah. Sekiranya kedua-dua wali ini tiada barulah bakal pengantin boleh dinikahkan dengan berwalikan wali tahkim<sup>5</sup>.

Oleh itu, mana-mana perkahwinan yang meragukan mengikut hukum syarak hendaklah segera diperintahkan supaya dipisahkan. Pasangan tersebut perlu berusaha membuat permohonan untuk memastikan sama ada sah atau tidak perkahwinan itu dan jika tidak sah bolehlah memperbaharui nikah dengan cara yang munasabah atas nasihat Pegawai Tadbir Agama. Perkahwinan tanpa kebenaran lebih banyak mendatangkan keraguan dan tidak mengikut hukum syarak. Perkahwinan yang dilakukan itu lebih banyak membawa kehancuran

---

<sup>4</sup>. Abdul Mutalib, Kahwin Sindiket, Berita Minggu, 20 Ogos, 2000

<sup>5</sup>. Op. cit. Temubual bersama Sheikh Abd. Ghani bin Othman.

manakala kebahagiaan yang dicari melalui perkahwinan tersebut adalah berbentuk sementara.

#### **4.3 Masalah-Masalah Berhubung Dengan Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Hasil daripada perkahwinan tanpa kebenaran menimbulkan banyak permasalahan kerana terdapat keraguan dan menyusahkan. Perkahwinan sebegini menyalahi untuk ketenangan dan kebahagiaan dan menghilangkan permasalahan manusia. Antara masalah yang dihadapi oleh pasangan terlibat adalah seperti berikut:-

##### **a) Sukar Untuk Mendaftar Perkahwinan**

Pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran sentiasa dibelenggu dengan masalah. Ini kerana, pasangan terlibat terpaksa memohon ke Pejabat Agama Daerah untuk mengesah dan mendaftarkan perkahwinan mereka. Setiap pasangan yang hendak mengesahkan perkahwinan perlu membawa dua orang saksi yang bersama-sama mereka dalam upacara perkahwinan atau yang mengetahui mereka berkahwin tanpa kebenaran. Mereka juga perlu membawa dokumen-dokumen yang memberi pembuktian berlakunya perkahwinan.

Terdapat pasangan yang terlibat sukar untuk mengemukakan saksi bagi mengesahkan perkahwinan mereka lebih-lebih lagi kalau kemasukan mereka ke

luar negeri tidak mengikut peraturan imigresen. contohnya masuk tanpa permit yang sah.

Walaupun mereka mampu membawa saksi-saksi dan wali, mereka tidak dapat lari dari dibicarakan di mahkamah seandainya perkahwinan mereka tanpa kebenaran dan meragukan. Di samping itu, kesahihan akad nikah perkahwinan itu diragui. Sekiranya di dapati akad tersebut tidak sah dan tidak menepati hukum syarak, maka perkahwinan tersebut terpaksa di mufaraqah.

Jelas, ini menimbulkan permasalahan kepada pasangan terlibat sekiranya pasangan ini berkahwin dengan tidak mengikut prosedur yang ditetapkan oleh **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**.

#### b) **Pasangan Boleh Dituduh Di Bawah Kesalahan Khalwat**

Perkahwinan tanpa kebenaran boleh menyebabkan pasangan terlibat boleh dituduh di bawah kesalahan khalwat selagi pasangan terbabit tidak memperolehi surat nikah yang diiktiraf oleh Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.. Tindakan pasangan terlibat yang tinggal bersama boleh dikategorikan sebagai kesalahan khalwat. Bagaimanapun, andaian setengah pihak yang mengatakan berkahwin tanpa kebenaran adalah zina tidak benar, kerana ia bergantung kepada keputusan bahawa sah atau tidak sah perkahwinan tersebut. Namun begitu, sehingga ke hari ini belum ada pasangan yang didakwa atas alasan khalwat sekalipun ada peruntukan undang-undang untuk mendakwa mereka kerana menyedari kemungkinan mereka adalah suami isteri yang sah.



c) **Sukar Tuntut Hak Dalam Perkahwinan**

Kesukaran untuk menuntut hak-hak dalam perkahwinan akan timbul bagi pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran jika tidak disahkan dan didaftarkan kerana hanya perkahwinan yang didaftarkan sahaja boleh menuntut hak dalam perkahwinan. Tuntutan hak dalam perkahwinan seperti mutaah, nafkah, harta sepencarian, pencen dan harta pusaka serta lain-lain tuntutan<sup>6</sup>.

Justeru, mahkamah syariah tidak melayan tuntutan nafkah, hadhanah (penjagaan anak), mutaah dan sebagainya menyebabkan hilang hak-hak pasangan wanita sebelum dan selepas bercerai khususnya. Sehingga hari ini tiada alternatif lain untuk pasangan terbabit untuk membuat tuntutan hak-hak mereka dan tidak terbayang bagaimana pasangan tersebut boleh menuntut di mahkamah syariah di luar negeri.

d) **Sukar Untuk Mendaftar Kelahiran Anak**

Anak yang lahir hasil daripada perkahwinan yang tidak didaftarkan (perkahwinan tanpa kebenaran), akan menimbulkan masalah ketika permohonan pendaftaran hendak dilakukan. Ini kerana pihak hospital dan Jabatan Pendaftaran Negara hanya akan mengeluarkan surat beranak jika suami isteri berkenaan menunjukkan surat nikah yang sah.

---

<sup>6</sup>Sulaiman Endut, Kahwin Tanpa Kebenaran, Utusan Malaysia, 02 April, 2001

Sementara dalam jangka masa panjang, berbagai masalah akan timbul seperti permohonan mendapatkan kad pengenalan, permohonan memasuki sekolah dan sebagainya.

e) **Memusnahkan Hubungan Kekeluargaan**

Perkahwinan di dalam Islam bertujuan untuk merapatkan silaturrahim antara sesebuah keluarga. Tujuan tersebut tidak boleh tercapai dalam masalah perkahwinan tanpa kebenaran. Natijah daripada perkahwinan tersebut ialah meretakkan hubungan kekeluargaan yang telah lama terjalin. Perkahwinan tanpa kebenaran juga akan mengundang masalah antara pihak keluarga lelaki dan perempuan, tambahan pula jika perkahwinan tersebut dilangsungkan tanpa persetujuan wali perempuan. Realiti yang berlaku di dalam masyarakat ialah perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kebenaran akan menyebabkan ianya dipandang serong dan pihak keluarga akan merasa malu dengan perbuatan tersebut yang akhirnya pasangan terbabit akan disisihkan oleh keluarga masing-masing. Hubungan antara keluarga akan menjadi lebih buruk sekiranya berlaku perceraian antara pasangan tersebut, di mana pihak keluarga akan menunding jari antara satu sama lain tanpa mengakui kesalahan masing-masing. Perkahwinan tanpa kebenaran ini boleh diibaratkan seperti membina istana baru sedangkan memusnahkan istana yang sedia ada.

## f) **Penalti**

Setiap perkahwinan tanpa kebenaran akan melalui perbicaraan jenayah kerana melakukan kesalahan di bawah seksyen 32(2) Enakmen Keluarga Islam Negeri sebelum dibicarakan untuk kes mal di Mahkamah Syariah.

Penalti akan dikenakan di bawah kesalahan tersebut iaitu sebanyak RM 1000.00 atau 6 bulan penjara. Bagi kesalahan poligami tanpa kebenaran akan dikenakan penalti sebanyak RM 500.00 di bawah seksyen 109 Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979. Setelah membayar penalti ini pasangan akan dibicarakan pula dalam perbicaraan mal untuk menentukan sama ada perkahwinan itu boleh disahkan dan didaftarkan atau tidak. Masalahnya perkahwinan secara poligami tanpa kebenaran tidak boleh didaftarkan.

Oleh itu, ini menimbulkan permasalahan kepada pasangan terlibat. Walaupun perkahwinan tersebut sah tetapi tidak boleh didaftarkan. Sekiranya perkahwinan tidak boleh didaftar apa gunanya pasangan memohon untuk mengesah dan mendaftar perkahwinan di Pejabat Agama. Ini menyebabkan ramai pasangan yang berkahwin poligami tanpa kebenaran tidak hadir ke mahkamah untuk mendaftar perkahwinan mereka.

### **4.4 Analisis Kes Perbicaraan Jenayah Dari Tahun 1996 – 2000 Di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar**

Dari segi bilangan kes perkahwinan tanpa kebenaran di Negeri Kedah tidak dapat dipastikan dengan jelas. Ini kerana, pihak berkuasa agama tidak

mengambil tindakan menangkap pasangan-pasangan tersebut. Pihak berkuasa akan bertindak hanya apabila menerima aduan daripada wali atau pihak lain ataupun pasangan tersebut datang untuk mendaftar perkahwinan mereka. Ada juga kerana kesalahan khalwat. Hanya kes ini sahaja yang direkodkan<sup>7</sup>.

Bilangan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara pada tahun 1996 ialah 57 kes, secara keseluruhan semua perkahwinan dilangsungkan di Thailand. Sementara pada tahun 1997, kes tersebut meningkat kepada 73 kes di mana 70 kes dilakukan di Thailand dan selebihnya India dan Indonesia, masing-masing 1 kes dan 3 kes. Pada tahun 1998 kes perkahwinan tanpa kebenaran telah meningkat secara drastik kepada 116 kes. Dan pada tahun 1999 kes menurun kepada 92 kes, sementara pada tahun 2000 pula kes telah meningkat kepada 101 kes<sup>8</sup>.

Jelas bahawa, saban tahun kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran sentiasa meningkat sehingga membimbangkan pihak berkuasa. Kes ini berdasarkan rekod di mahkamah apabila pasangan datang sendiri atau aduan daripada pihak wali sedangkan masih banyak lagi pasangan terlibat yang tidak datang mendaftar. Nampaknya masyarakat yang sudah terdedah dengan segala maklumat masih lagi tidak dapat berfikir secara rasional.

---

<sup>7</sup> Rujuk Lampiran P

<sup>8</sup> Rujuk Lampiran R

#### 4.4.1 Analisis Perkahwinan Di Luar Negeri Yang Mendapat Kebenaran Dari Tahun 1996 – 2000

Mengikut Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979, setiap perkahwinan yang diadakan di luar negeri perlu mendapat kebenaran dari pendaftar. Perkahwinan akan diiktiraf dan boleh didaftarkan mengikut Enakmen keluarga Islam Kedah 1979 setelah mendapat kebenaran pendaftar setelah mengikut prosedur perundangan yang ditetapkan.

Terdapat kes perkahwinan dengan kebenaran pendaftar di luar negara berlaku di selatan Thailand. Perkahwinan ini melibatkan rakyat negeri Kedah yang memohon kebenaran untuk berkahwin dengan rakyat Thailand. Sementara kebanyakan perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku di Thailand adalah kerana ingin berkahwin dengan rakyat tempatan atau berbentuk poligami.

Bilangan perkahwinan di luar negara tahun 1996 yang mendapat kebenaran ialah 12 kes dan 8 daripadanya berlaku di selatan Thailand. Thailand merupakan antara negara yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi kes perkahwinan seumpama ini berbanding negara lain Indonesia, India, Mesir dan Jepun. Daripada analisa yang dibuat, permohonan untuk berkahwin di Thailand dibuat setiap tahun antara tahun 1996 sehingga 2000 berbanding dengan negera-negara lain<sup>9</sup>.

Pada tahun 1997 terdapat 14 kes kebenaran berkahwin di luar negeri dengan 10 kes dicatatkan di Thailand. Namun begitu, pada tahun 1998 kes

---

<sup>9</sup>. Rujuk Lampiran Q

perkahwinan dengan kebenaran telah meningkat kepada 24 kes, di mana 14 daripadanya adalah perkahwinan di Thailand. Sementara pada tahun 1999, kes ini meningkat kepada 33 kes dengan 21 kes dicatatkan di Thailand, manakala pada tahun 2000 jumlah kes pernikahan dengan kebenaran menurun kepada 24 kes<sup>10</sup>.

Dengan statistik tersebut, perkahwinan luar negara dengan kebenaran pendaftar paling banyak dilakukan di selatan Thailand, berbanding negara lain. Faktor utama berlakunya kes perkahwinan seperti ini ialah kerana Thailand adalah negara yang paling hampir dengan negeri Kedah, di samping negara tersebut mempunyai wilayah yang mempunyai Majlis Agama Islam yang mempunyai jurunika bertauliah yang tersendiri.

#### 4.4.2 Analisis Umur Pasangan Terlibat Dari Tahun 1996 – 2000

Analisis 10 kes setiap tahun dari 1996 sehinggalah tahun 2000 menunjukkan umur pasangan dari umur 18 ke atas hinggalah 68 tahun bagi lelaki. Sementara pasangan wanita pula dari umur 18 tahun sehinggalah 48 tahun<sup>11</sup>.

Pasangan lelaki yang berkahwin tanpa kebenaran kebanyakannya berumur 40 tahun ke atas, iaitu 13 kes dari keseluruhan kes. Sementara yang berumur 30 tahun ke atas iaitu berjumlah 20 kes. Manakala kes yang melibatkan umur 20 tahun ke atas ialah 6 kes. Sementara yang melibatkan umur 50 tahun ke atas ialah 6 kes dan bagi umur 60 tahun ke atas pula dicatatkan sebanyak 2 kes. Kes yang melibatkan umur 18 tahun hanyalah 1 kes. Kebanyakan kes pasangan yang

---

<sup>10</sup>. Op.cit Lampiran R.

<sup>11</sup>. Rujuk Lampiran R

berumur 30 dan 40 tahun ke atas adalah kes poligami. Sementara pasangan yang berumur 20 tahun ke atas semua berkahwin tanpa kebenaran untuk kali pertama.

Pasangan wanita yang berumur 20 tahun ke atas dicatatkan sebanyak 22 kes dan kebanyakan mereka adalah perkahwinan pertama kecuali 2 kes yang melibatkan janda. Sementara yang berumur 30 tahun ke atas golongan kedua terbesar, iaitu 16 kes. Manakala pasangan wanita yang berumur 18 dan 19 tahun, masing-masing 2 kes dan 1 kes sahaja. Dalam kes ini pasangan wanita yang berumur 40 tahun ke atas ialah 7 kes. Kebanyakan golongan ini telah berkahwin tetapi bercerai atau kematian suami.

Daripada 50 kes, hanya 15 kes sahaja melibatkan wanita yang pernah berkahwin. Selebihnya golongan yang belum pernah berkahwin. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan wanita yang terjebak dengan ini ialah golongan muda yang tidak berfikir secara rasional tetapi lebih mengikut emosi dan nafsu sahaja<sup>12</sup>.

#### 4.4.3 Penggunaan Jenis Wali Dan Tempat Yang Dikunjungi Untuk Akadnikah Dari Tahun 1996 – 2000

Perkahwinan tanpa kebenaran kebanyakannya menggunakan wali hakim<sup>13</sup>. Hanya ada beberapa kes sahaja menggunakan wali bapa, wakil wali dan sebagainya. Dalam masa lima tahun iaitu tahun 1996 hingga 2000 hanya ada beberapa kes sahaja yang menggunakan wali bapa. Dalam tahun 1996 – 2000,

---

<sup>12</sup> Op.cit. Temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Bin Othman.

<sup>13</sup> Ibid

terdapat 4 kes menggunakan wali bapa dan 2 kes wali abang. Manakala yang selebihnya menggunakan wali Hakim.

Analisis tempat yang sering dikunjungi untuk berkahwin tempat yang menduduki tempat tertinggi dikunjungi oleh pasangan ialah Thailand, iaitu kira-kira 48 kes. Sementara Indonesia dan England masing-masing 1 kes.

Thailand menjadi tempat yang sering dikunjungi kerana bagi mencukupi dua marhalah daripada tempat wali berada.

#### 4.4.4 Mahar / Mas Kahwin Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Mas kahwin atau mahar merupakan syarat dan menjadi sebagai bahagian yang penting dalam perkahwinan mengikut syariat Islam. Mahar diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan berdasarkan persetujuan wali perempuan. Nilai mahar tidak ditentukan. Mahar dalam Islam mengangkat status wanita kerana mahar diberikan sebagai tanda penghormatan kepada wanita<sup>14</sup>.

Mahar merupakan pemberian bebas yang diberikan oleh suami kepada isteri semasa melakukan akad nikah. Firman Allah yang bermaksud;

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ نَحْلَةً

Maksudnya: *Berikanlah kepada perempuan mas kahwin sebagai satu pemberian.*

Surah al-Nisā<sup>1</sup> (4) : 4

---

<sup>14</sup> Sayid Sabiq, Fiqh Al-Sunnah, Jil.3. Hlm: 155



Berdasarkan kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran mas kahwin yang diberikan dengan menggunakan nilai Ringgit Malaysia, Bath Thailand dan Rupiah. Jumlah mas kahwin yang diberikan di bawah RM 100.00 kira-kira 34 kes. Dan kebanyakan kes perkahwinan tanpa kebenaran hanya memberi mas kahwin sahaja tanpa apa-apa pemberian lain <sup>15</sup>. Terdapat juga mas kahwin yang diberi berjumlah RM 1,000.00 ke atas iaitu kira-kira 3 kes daripada keseluruhan kes.

Kesan daripada perkahwinan tanpa kebenaran ini akan menyebabkan wanita kehilangan hak mereka seperti pemberian belanja daripada pihak lelaki, hak-hak ketika diceraikan dan terutama sekali kasih sayang ibu bapa. Bagi mengatasi masalah ini pihak berkuasa serta masyarakat perlu lebih peka dalam memantau serta mengawal anak-anak muda serta golongan dewasa agar tidak terjebak dengan masalah ini. Perkara ini berlaku akibat kurangnya kawalan serta kesedaran tambahan pula dewasa ini keruntuhan moral di kalangan masyarakat semakin ketara. Para wanita khususnya yang masih muda perlu diberi penerangan dan maklumat yang secukupnya agar tidak mudah terpedaya dengan pasangan masing-masing yang memberi alasan kasih sayang atau cinta semata-mata untuk melangsungkan perkahwinan yang akan mengundang pelbagai masalah.

Kedadaan ini lebih membimbangkan apabila terdapat segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil jalan mudah untuk berkahwin tanpa kebenaran tambahan pula dengan kewujudan sindiket-sindiket yang menawarkan perkhidmatan bagi tujuan tersebut.

---

<sup>15</sup>. Rujuk Lampiran S

#### 4.4.5 Penalti Akibat Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Kebanyakan penalti yang dikenakan di bawah seksyen 32 (2) berjumlah RM 700.00 ke bawah atau 3 bulan penjara ke bawah sedangkan jumlah maksimum ialah RM 1.000.00 atau 6 bulan penjara. Hukuman di bawah seksyen 109 kebanyakannya berjumlah RM 400.00 ke bawah sedangkan jumlah maksimum ialah RM 500.00. Manakala di bawah seksyen 27 Enakmen Keluarga Islam 1979, penalti yang biasa dikenakan ialah denda berjumlah RM 100.00 ke bawah sedangkan jumlah denda maksimum ialah RM 150.00 atau 1 bulan penjara<sup>16</sup>.

Dari keseluruhan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah, kebanyakannya adalah bersifat belas kasihan kerana tidak ada satu kes pun yang melibatkan hukuman secara maksimum.

#### 4.4.6 Seksyen Akibat Kahwin Tanpa Kebenaran

Terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang terpakai bagi mensabitkan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran. Kebanyakan peruntukan ini terdapat di dalam Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979. Seksyen 32 (2) memperuntukan tentang kesalahan berkahwin tanpa kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk. Manakala seksyen 27 pula memperuntukan kesalahan bagi perkahwinan yang dilangsungkan di luar negeri dan pihak yang terlibat tidak

---

<sup>16</sup> Rujuk Lampiran S

hadir untuk mendaftarkan perkahwinan mereka selepas tempoh 6 bulan seperti yang ditetapkan. Sementara seksyen 109 pula memperuntukan kesalahan bagi poligami tanpa kebenaran mahkamah.

Pada tahun 1996 sebanyak 19 kes yang didakwa mengikut seksyen 27. Manakala pada tahun 1997, 2 kes didakwa di bawah seksyen 109, 1 kes di bawah seksyen 27 dan 20 kes bagi seksyen 109. Sementara pada tahun 1998 sebanyak 3 kes yang didakwa di bawah seksyen 27, manakala pendakwaan di bawah seksyen 109 meningkat kepada 34 kes. Pada tahun 1999 pendakwaan di bawah seksyen 27 sebanyak 25 kes, diikuti seksyen 109 sebanyak 33 kes. Pada tahun 2000 sebanyak 22 kes didakwa di bawah seksyen 27 kes sementara pendakwaan di bawah seksyen 109 sama dengan tahun sebelumnya iaitu 33 kes. Bagi kes yang melibatkan kedua-dua pertuduhan di bawah seksyen 27 dan seksyen 109, turut didakwa mengikut seksyen 32 (2) iaitu kesalahan berhubung perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk<sup>17</sup>.

#### **4.5 Tindakan Undang-Undang Ke Atas Perkahwinan Bercanggah Dengan Syarak Dan Enakmen**

Apa-apa keterangan atau Sijil perkahwinan yang dilangsungkan di luar negeri yang didapati bertentangan dengan hukum syarak dan Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979, tidak akan diiktiraf sebagai satu perkahwinan yang sah di dalam negeri Kedah. Sekiranya perkara ini dikesan atau dilaporkan kepada pihak berkuasa agama negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri Kedah, tindakan

---

<sup>17</sup>. Rujuk Lampiran T

undang-undang akan diambil. Pihak terbabit juga akan dihadapkan ke Mahkamah Syariah bagi menjawab pertuduhan yang dikenakan.

Jika disabitkan kesalahan akan didenda mengikut ketetapan seksyen-seksyen yang ada seperti poligami atau kahwin tanpa kebenaran berdasarkan seksyen 17 atau 32(2) Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979. Penalti akan dikenakan tidak melebihi daripada RM 500.00 dan mahkamah boleh sebagai tambahan kepada hukuman di atas, memerintahkan pesalah membayar pampasan atau apa-apa bayaran yang masih terhutang kepada isteri-isteri<sup>18</sup>. Dan kesalahan tidak mengikut seksyen 13 dan 14 Enakmen Keluarga Islam negeri ini akan dikenakan penalti di bawah seksyen 32(2), iaitu boleh dihukum dengan penjara tidak lebih 6 bulan atau denda tidak lebih daripada RM 1,000.00.

Setiap tindakan undang-undang terhadap sesuatu kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran termasuk perkahwinan luar negeri biasanya melalui proses berikut:-

- a) Ada aduan atau permohonan kepada Hakim Mahkamah,
- b) Hakim akan perintah mufaraqah jika ada keraguan,
- c) Pihak terlibat akan dipanggil untuk beri keterangan atau nyatakan bukti,
- d) Pendakwa membawa kes ke mahkamah,
- e) Dikenakan denda,
- f) Proses Pendaftaran

---

<sup>18</sup> . Seksyen 109, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.

Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979 memberi kuasa kepada Pegawai Tadbir Agama sebagai pendaftar yang berkuasa menjalankan kehendak seksyen 23, 25 dan mana-mana seksyen Enakmen Keluarga Islam 1979 yang berkaitan apabila seseorang yang tidak hadir dihadapannya dengan sengaja atau enggan akan dikenakan tindakan undang-undang<sup>19</sup>. Jika sabit kesalahan itu mahkamah syariah boleh memerintahkan tertuduh dengan hukuman penjara tidak melebihi satu bulan atau denda tidak lebih RM 500.00 atau kedua-duanya sekali.

Seseorang yang hadir memberi pengakuan atau ikrar palsu berkaitan permohonan untuk berkahwin atau mendaftarkan perkahwinan jika sabit keterangan atau ikrar tersebut palsu boleh dihukum oleh mahkamah dengan penjara tidak lebih dari enam bulan atau denda tidak lebih dari RM 1000.00<sup>20</sup>.

Mengikut seksyen 111, menyatakan sesiapa yang mengetahui tentang kesalahan tersebut dan tidak melaporkan sebarang perkahwinan yang dilakukan tidak mengikut kehendak enakmen ini jika disabitkan boleh dihukum penjara tidak lebih dari 2 bulan dan penalti RM 300.00 atau kedua-duanya atas kesalahan yang disengajakan.

Seseorang yang tahu bahawa ada suatu perkahwinan yang dilakukan dan dipercayai bahawa perkahwinan ini tidak sah dan berlawanan dengan enakmen ini dengan sengaja tidak melaporkan kepada pendaftar adalah juga bersalah dan jika

---

<sup>19</sup> . Ibid, Seksyen 27

<sup>20</sup> . Ibid, Seksyen 110.

disabitkan boleh dihukum penjara tidak lebih 2 bulan atau denda tidak lebih dari RM 300.00.

Seksyen-seksyen tersebut boleh digunakan untuk maksud tidak melaporkan perkahwinan luar negeri tanpa kebenaran dengan sengaja atau cuai atau apa-apa kepentingan, enggan memberi kerjasama dan enggan memberi pengakuan benar tentang perkahwinan tersebut jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman mengikut enakmen ini.

Sesiapa yang telah mendaftar perkahwinan luar negeri mengikut aturan enakmen ini menceraikan isterinya di dalam atau di luar negeri tanpa kebenaran mahkamah adalah juga bersalah dan mahkamah boleh mengenakan tindakan terhadapnya<sup>21</sup>.

Tindakan juga boleh diambil terhadap sesiapa yang didapati bersubahat atau cuba bersubahat sehingga berlakunya perkahwinan luar negeri tanpa kebenaran jika disabitkan boleh dihukum dengan hukuman seperdua daripada hukuman ke atas kesalahan berkaitan<sup>22</sup>.

Jelas bahawa, tindakan akan diambil apabila berlakunya perkahwinan yang bercanggahan dengan syarak dan Enakmen Keluarga Islam. Tindakan yang diambil ini adalah semata-mata memberi pengajaran kepada pihak yang terlibat bahawa tindakan mereka adalah mencabar undang-undang Keluarga Islam dan mereka tidak menghormati undang-undang yang sedia ada. Sepatutnya tindakan

---

<sup>21</sup>. Ibid, seksyen 110.

<sup>22</sup>. Op.cit temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Bin Othman, Ketua Pendakwa Syarie MAIK.

yang lebih tegas diambil supaya pihak-pihak lain yang masih belum berbuat demikian berfikir panjang. Dengan mengenakan denda tidak lebih daripada RM 5,000.00 dan penjara 3 tahun dan 6 sebatan diharapkan tindakan ini akan mengurangkan gejala sosial.

## Kesimpulan

Perkahwinan tanpa kebenaran yang melibatkan rakyat negeri Kedah menimbulkan kebimbangan kepada semua pihak yang terlibat tentang status sah atau tidak perkahwinan. Ini kerana, keraguan terhadap perkahwinan tersebut menimbulkan permasalahan kepada pasangan terlibat, dan masyarakat dan negara.

Hasil analisis terhadap perkahwinan tanpa kebenaran di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar menunjukkan pihak wanita yang menjadi isteri kedua akan menghadapi masalah apabila berlaku perceraian atau ditinggalkan suami. Pihak wanita juga kehilangan hak ketika perkahwinan seperti pemberian daripada suami seperti mahar, cincin, hantaran dan pemberian lain. Masalah yang sering timbul apabila berlaku perceraian ialah tuntutan nafkah, mutaah, harta sepencarian dan sebagainya. Tuntutan ini tidak dapat dituntut seandainya perkahwinan tersebut tidak didaftarkan.

Sehubungan itu, kajian ini cuba memberi maklumat dan kesedaran agar sesuatu perkahwinan itu dapat dilangsungkan dengan mengikut proses perundangan seperti yang diperuntukan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979. Pasangan yang menghadapi masalah untuk melangsungkan perkahwinan

tidak semestinya memilih jalan untuk berkahwin tanpa kebenaran di luar negara. Ini kerana undang-undang yang sedia ada sentiasa memberi kemudahan untuk pasangan yang ingin berkahwin dengan mengikut prosedur yang ditetapkan. Prosedur yang ditetapkan bukan bertujuan untuk menyulitkan, tetapi sebagai satu langkah untuk menjadikan masyarakat hidup sebagai satu kelompok manusia yang berperaturan.